

Program Kursus Pendek

Globalisasi : Pendekatan Kajian Multidisiplin

17 - 18 Januari 2005

Institut Kajian Malaysia & Antarabangsa (IKMAS)
Universiti Kebangsaan Malaysia

Program Kursus Pendek

Globalisasi : Pendekatan Kajian Multidisiplin

Globalisasi sekaligus satu ideologi dan juga satu proses yang kompleks, multi-dimensi dan berlapis-lapis. Pelbagai negara di dunia sudah terangkum dalam proses ini. Sebagai satu konsep, ia sukar difahami secara menyeluruh dan terdapat pelbagai pandangan yang bercanggah mengenainya. Walaupun pada mulanya banyak pihak mengalu-alukan globalisasi dan mengisyiharkan wujudnya 'dunia tanpa sempadan', kini ramai pihak yang bersikap kritis terhadapnya. Bahkan beberapa gerakan telah meletus di dunia yang menentang globalisasi. Memandangkan bahawa globalisasi sebagai satu fenomena dan proses melibatkan semua negara dan masyarakat serta memberi dampak yang besar kepada semua masyarakat, maka adalah penting persoalan globalisasi dipelajari secara teratur dan difahami secara mendalam.

Objektif Kursus

Kursus ini mempunyai objektif seperti berikut:

- Memberi pendedahan kepada pelajar tentang konsep globalisasi dan perdebatan mengenainya daripada pelbagai perspektif teori;
- Menarik perhatian pelajar dan membantu meningkatkan pengertian mereka tentang beberapa dimensi globalisasi yang berlaku sekarang seperti ekonomi dan perdagangan, politik dan sosiobudaya;
- Mengaitkan kerangka globalisasi dengan bidang tujuan penyelidikan Felo-felo IKMAS.

Cara Kursus Dikendalikan

Untuk memudahkan peserta mengikutinya dengan baik, kursus ini dikendalikan dalam tiga bentuk, iaitu

1. Kuliah sebanyak lapan kali.
2. Sesi soal jawab diadakan selepas setiap kuliah
3. Sidang meja bulat dimana terdapat pembicara utama, manakala peserta lain boleh mengemukakan pendapat masing-masing.

Kumpulan Sasar

Mereka yang perlu mengikuti kursus jangka pendek ini ialah:

1. Semua pelajar pascasiswazah di IKMAS sesi 2004-2006 yang belum mengikuti kursus ini diwajibkan hadir. Pelajar-pelajar yang telah hadir tetapi berminat untuk mengikutinya adalah sangat digalakkan.
2. Pelajar-pelajar pascasiswazah di Universiti Kebangsaan Malaysia selain daripada pelajar IKMAS.
3. Kakitangan akademik UKM yang berminat.
4. Lain-lain individu yang berminat.

Yuran dan Sijil

Setiap peserta kursus dikenakan yuran pendaftaran seperti berikut:

1. Yuran pendaftaran sebanyak RM30.00 bagi pelajar pascasiswazah UKM
2. Yuran pendaftaran sebanyak RM50.00 bagi kakitangan akademik.
3. Yuran pendaftaran sebanyak RM80.00 bagi peserta luar dari UKM.

Yuran pendaftaran adalah untuk menanggung kos kursus, khususnya fotokopi bahan-bahan bacaan dan jamuan ringan.

Komponen Kursus

1. Wacana Globalisasi
2. Proses Globalisasi
3. Globalisasi dan Bidang Tujahan Penyelidikan IKMAS
4. Perbincangan Meja Bulat: Pendekatan Kajian Multidisiplin dan Maklum Balas daripada Peserta Kursus

Aturcara

Selasa 17 Januari 2006

9.00 am – 9.15 am	Jamuan Ringan Pagi
9.15 am – 10.15 am	TEMA I Wacana Globalisasi (Profesor Dato' Dr. Rahman Embong)
10.15 am – 12.15 pm	TEMA II Proses-proses Globalisasi (Prof. Dr. Tham Siew Yean, Prof. Dr. Lee Poh Ping dan Prof. Madya Norani Othman) <ul style="list-style-type: none">• Ekonomi• Politik• Sosial Budaya
12.15 pm – 2.00 pm	REHAT/Makan Tengahari
2.00 pm – 3.30 pm	TEMA III Subtema 1 Agihan Pendapatan dan Jaringan Keselamatan (Prof. Dr. Ragayah Hj. Mat Zin)
3.30 pm – 3.45 pm	Jamuan Ringan
3.45 pm – 5.15 pm	Subtema 2 Liberalisasi Perdagangan, Governan dan Daya Saing (Prof. Dr. Tham Siew Yean)

Rabu 18 Januari 2006

8.30 am – 10.00 am	Subtema 3 Regionalisasi dan Regionalisma (Prof. Dr. Lee Poh Ping)
10.00 am – 10.15 am	Jamuan Ringan
10.15 am – 11.45 am	Subtema 4 Globalisasi dan Pergerakan Sosial (Prof. Madya Norani Othman)
11.45 am – 1.15 pm	Subtema 5 Globalisasi, Identiti dan Politik Budaya (Dr. Sumit K. Mandal)
1.15 pm – 2.15 pm	REHAT / Makan Tengahari
2.15 pm – 3.45 pm	Subtema 6 Globalisasi, Kelas dan Negara Bangsa (Prof. Dato' Dr. Abdul Rahman Embong)
3.45 pm – 4.00 pm	Jamuan Ringan
4.00 pm – 5.00 pm	TEMA IV Kajian Globalisasi dan Pendekatan Multidisiplin (bentuk Sidang Meja Bulat-Pengerusi: Prof. Dato' Dr. Abdul Rahman Embong) <ul style="list-style-type: none">- Impak Globalisasi ke atas ilmu menuntut penelitian melampaui sempadan disiplin- Menilai semula pradigma- Bagaimana melakukan multidisiplin
5.00 pm – 5.30 pm	Maklumbalas Pelajar

Bacaan Asas

1. James Mittleman, Norani Othman (eds), (2001). Capturing Globalisation, London: Routledge, (*Boleh didapati di IKMAS, RM45.00*)
2. Norani Othman, Sumit K. Mandal (eds), (2000). Malaysia Menangani Globalisasi: Peserta atau Mangsa, Bangi: Penerbit UKM, (*Boleh didapati di IKMAS, RM25.00*)
3. Abdul Rahman Embong (ed), (2004). Globalisation, Culture & Inequalities: In Honour of Ishak Shari, Penerbit UKM, (*Boleh didapati di IKMAS, RM60.00 untuk kulit nipis dan RM100.00 untuk kulit tebal*).
4. Lee Poh Ping, Tham Siew Yean and George T. Yu (eds), (2006). The Emerging East Asia Community: Security & Economic Issues. Bangi: Penerbit UKM. (*Boleh didapati di IKMAS, RM50.00*)
5. Stiglitz, Joseph E. (2002), Globalization and Its Discontent. New York: W.W.Norton & Company Inc.
6. Walters, Malcolm, (1995), Globalization. London: Routledge.
7. Held, David (et al), (1999), Global Transformations: Politics, Economics and Culture. Stanford: Stanford University Press.

Pendaftaran

Hubungi kami ditalian (Azie) 4169 / (Puan Norinah, nira@pkrisc.cc.ukm.my) 5487.